

TARIKH : 26/7/2022

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

## 1,320 pencari kerja berjaya temu duga

**Kota Bharu:** Seramai 1,320 pencari kerja mendapat pekerjaan menerusi Karnival Kerjaya Jamin Kerja sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Kelantan yang diadakan Jumat lalu hingga kelmarin.

Ketua Negeri Unit Perkhidmatan Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kelantan Muhammad Syahir Ammar Mohamed berkata, semua mereka yang berjaya dipanggil majikan masing-masing bagi mula bekerja dalam tempoh terdekat.

"Lima syarikat paling ramai ambil pekerja adalah

**2,242**

Jumlah pencari kerja  
hadiri temu duga  
dalam karnival kerjaya

Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii), Perhentian Island Resort, 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, Felcra Berhad dan Akademi Memandu Nasrom Sdn.Bhd.

"Selain itu, sektor automotif paling banyak menawarkan peluang pekerjaan," katanya di Stadium Sultan

Muhammad IV di sini.

Muhammad Syahir Ammar berkata sepanjang tiga hari karnival, 2,242 pencari kerja hadir temu duga bersama 28 majikan.

Sementara itu, seorang calon yang berjaya mendapat pekerjaan Muhammad Najmuddin Mohd Mad, 18, dari Kampung Khatib Ali di sini gembira dan teruja kerana melaporkan diri dengan majikannya pada 1 Ogos ini.

"Ini kali pertama saya menyertai karnival kerjaya dan rasa tidak percaya diterima bekerja dengan syarikat terpilih," katanya.